



Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan Adnan Abd Rahman (kanan)

PKP: 26 barangas asas di Kelantan mencukupi semasa Ramadan

22/04/2020 02:21 PM

KOTA BHARU, 22 April -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PKPDNHEP) Kelantan memberi jaminan bahawa bekalan bagi 26 jenis barangas asas adalah mencukupi sepanjang bulan Ramadan ini.

Pengaruhnya, Adnan Abd Rahman berkata pihaknya sentiasa memantau barangas keperluan itu agar ia sentiasa berada dalam pasaran dan dijual dengan harga yang berpatutan kepada pengguna.

"Lebih 150 premis diperiksa setiap hari ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi memastikan barangas asas itu sentiasa berada dalam pasaran," katanya selepas membuat tinjauan harga barangas di Pasar Siti Khadijah di sini, hari ini.

Barangas asas itu termasuk beras, gandum, minyak masak, telur dan ayam mentah.

Kelantan mengalami kekurangan beras akibat pembelian panik oleh penduduk dan pembelian pukal oleh badan bukan kerajaan (NGO) namun diselesaikan dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras Cawangan Kelantan.

Adnan berkata, penggunaan telur didapati meningkat sepanjang PKP dan pemborong diarah menghantar bekalan itu dengan segera ke kawasan yang mengalami kekurangan bekalan itu.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pihaknya telah memeriksa 8,395 premis sejak PKP dilaksanakan dengan 26 premis dikesan melakukan kesalahan di bawah pelbagai akta kementerian itu.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1834607>

